



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENGLIBATAN MALAYSIA DALAM RUNDINGAN PENYEDIAAN SUATU KONVENSYEN, PERJANJIAN ATAU INSTRUMEN ANTARABANGSA LAIN YANG BERSESUAIAN MENGENAI PENCEGAHAN, KESIAPSIAGAAN DAN TINDAK BALAS BAGI MENGHADAPI PANDEMIK (INB WHO CA+) DAN PINDAAN BERSASAR INTERNATIONAL HEALTH REGULATIONS (2005)

27 OKTOBER 2023

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan mengenai perkembangan kedua-dua rundingan berkenaan. Cabaran yang dikenalpasti semasa menangani pandemik COVID-19 telah menjadi titik tolak kepada usaha bagi menambah baik kesiapsiagaan terhadap pandemik di masa hadapan dengan lebih efisien. Susulan ini Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bersama semua Negara Anggota telah bersepakat untuk menubuhkan dua platform rundingan antarabangsa iaitu *Intergovernmental Negotiating Body* (INB) untuk menghasilkan instrumen antarabangsa yang dikenali sebagai INB WHO Ca+ (*pandemic treaty*) dan *Working Group on Amendments to the International Health Regulations* (WGIHR) bagi memperkukuhkan aspek kesiapsiagaan, pencegahan,

pengesanan serta respon terhadap pandemik di peringkat antarabangsa bagi mengurangkan impak terhadap sesebuah negara khususnya.

Penyertaan Malaysia dalam rundingan INB WHO Ca+ dan WGIHR mencerminkan komitmen negara dalam usaha memperkukuhkan keselamatan kesihatan global dan pencegahan wabak di masa hadapan. Prinsip asas Malaysia, termasuk kedaulatan dan autonomi, keadilan dan solidariti, kesamarataan, keperluan dalam membina sistem penjagaan kesihatan yang lestari serta kesedaran awam dan ketelusan menjadi asas dalam setiap rundingan. Prinsip-prinsip ini juga turut mendapat sokongan daripada Negara Anggota WHO yang lain.

Proses rundingan ini tidak terhad kepada bidang kesihatan awam sahaja, namun ianya turut meliputi lain-lain bidang berkaitan seperti perdagangan, persekitaran, geopolitik, sosio-ekonomik dan sebagainya. Justeru, Kementerian Kesihatan sebagai penyelaras kedua-dua rundingan ini telah mengadakan sesi libat urus dengan pelbagai kementerian/agensi Kerajaan yang berkaitan termasuk Jabatan Peguam Negara. Inisiatif ini bagi memastikan kedaulatan dan undang-undang Malaysia terpelihara serta kepentingan rakyat Malaysia dilindungi dan diutamakan.

Rundingan telah berlangsung sehingga kini melibatkan penyertaan delegasi Negara Anggota WHO, termasuklah Malaysia. Metodologi rundingan yang sistematik dan komprehensif memberi peluang untuk setiap negara menyuarakan pandangan dan pendirian masing-masing. Setiap usul (*provision*) yang dimasukkan di dalam draf bagi kedua-dua dokumen ini dikupas secara terperinci dengan mengambil kira keupayaan dan kebolehlaksanaan Negara Anggota. Pendirian Malaysia adalah jelas

bertujuan bagi menjaga kepentingan kesihatan awam selaras dengan undang-undang dan kedaulatan negara dalam setiap sesi rundingan.

Sebagai makluman, proses rundingan WHO CA+ dan pindaan IHR 2005 adalah terbuka kepada pandangan dan perbincangan dari semua Negara Anggota. Keputusan muktamad hanya akan diberikan apabila semua Negara Anggota bersetuju dalam rundingan tersebut.

Justeru, Kementerian Kesihatan sentiasa terbuka untuk sebarang pandangan bagi memastikan proses rundingan ini berjalan secara lancar dan bermanfaat kepada Negara. Malaysia tetap komited untuk memastikan perjanjian-perjanjian antarabangsa khususnya yang berkaitan dengan kepentingan kesihatan awam tetap mendahulukan pemeliharaan kedaulatan negara.

Maklumat lanjut berkenaan pindaan IHR 2005 dan *pandemic treaty* adalah terbuka untuk diakses seperti berikut:

- Pindaan IHR - <https://www.who.int/news-room/questions-and-answers/item/international-health-regulations-amendments>
- Pandemic treaty- <https://www.who.int/news-room/questions-and-answers/item/pandemic-prevention--preparedness-and-response-accord>

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini juga boleh diutarakan ke email WHO info@who.int atau email kkm cprc@moh.gov.my.

DATUK DR MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
KETUA PENGARAH KESIHATAN
27 OKTOBER 2023